

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

YWP 221 - Kewartawanan I

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan EMPAT soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. (a) Huraikan ciri penting yang diambilkira ketika membuat penilaian terhadap apa-apa kejadian yang boleh dianggap berita. Berikan contoh untuk menjelaskan huraian anda.

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan *pack journalism*? Sejauh manakah *pack journalism* ini mempengaruhi liputan berita?

(40 markah)

2. Huraikan dengan contoh berkaitan, jenis-jenis pendulu (intro) yang lazim digunakan oleh akhbar, dan bincangkan mengapa berita harus ditulis dalam bentuk piramid terbalik.

(30 markah)

...2/-

3. Menurut K. Das dalam *Media Watch* (1990) berbagai cara digunakan untuk memanipulasi media di negara ini. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan beliau?

(30 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan kewartawanan pembangunan? Jelaskan ciri-ciri umum yang terdapat dalam kewartawanan pembangunan.

(30 markah)

-ooOoo-